


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 21 OGOS 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 1, 3, 7, 9, 12, 17 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 2, 4 HINGGA 6, 8, 10, 11,
13 HINGGA 16**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

TARIKH

21 OGOS 2008

SOALAN

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah – langkah Kementerian menyeragamkan penguatkuasaan penggunaan meter pada teksi Bandar di seluruh Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan menyeragamkan penguatkuasaan meter pada teksi Bandar di seluruh negara, Kerajaan telah mewartakan kadar tambang teksi meter mengikut tiga cara iaitu:

- i. Kaedah menyeragamkan kadar tambang teksi meter mengikut jarak perjalanan;
- ii. Kaedah menyeragamkan kadar tambang mengikut masa perjalanan teksi; dan
- iii. Mengikut lokasi dan Kelas Perkhidmatan Teksi.

Di Semenanjung Malaysia terdapat 4 kelas perkhidmatan teksi telah diwartakan
iaitu:

i. Teksi Bajet

Kadar tambang mengikut jarak ialah RM 2.00 bagi satu kilometer pertama atau sebahagiannya dan 10 sen bagi setiap 150 meter berikutnya. Manakala kadar tambang mengikut masa ialah RM 2.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagiannya dan 10 sen bagi 45 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya.

ii. Teksi Premier

Kadar tambang mengikut jarak ialah RM 4.00 bagi satu kilometer pertama atau sebahagiannya dan 20 sen bagi setiap 150 meter berikutnya. Manakala kadar tambang mengikut masa ialah RM 4.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya dan 20 sen bagi 45 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya

iii. Teksi Keluarga

Kadar tambang mengikut jarak ialah RM 5.00 bagi satu kilometer pertama atau sebahagiannya dan 30 sen bagi setiap 150 meter berikutnya. Manakala kadar tambang mengikut masa ialah RM 5.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya dan 30 sen bagi 45 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya.

iv. Teksi Eksekutif

Kadar tambang mengikut jarak ialah RM 6.00 bagi satu kilometer pertama atau sebahagiannya dan 20 sen bagi setiap 100 meter berikutnya. Manakala

kadar tambang mengikut masa ialah RM 6.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya atau 20 sen bagi 21 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya

Bagi Negeri Sabah, kadar tambang mengikut jarak ialah RM 3.00 bagi 2 km pertama atau sebahagiannya dan 10 sen bagi tiap – tiap tambahan 100 meter atau sebahagiannya. Manakala kadar tambang mengikut masa ialah RM 3.00 bagi setiap 3 minit pertama atau sebahagiannya dan 10 sen bagi setiap tambahan 45 saat atau sebahagiannya dan;

Bagi Negeri Sarawak pula kadar tambang mengikut jarak ialah RM 4.00 bagi setiap 2 kilometer pertama atau sebahagian daripadanya dan 10 sen bagi tiap – tiap tambahan 100 meter atau sebahagian yang berikutnya. Manakala kadar tambang mengikut masa ialah RM 4.00 bagi setiap 4 minit pertama atau sebahagian daripadanya dan 10 sen bagi setiap 45 saat atau sebahagian yang berikut.

3

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN
HAJI AZIZ (SRI GADING)**

TARIKH : 21 OGOS 2008 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 3

**DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ minta
MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN
DAN WARISAN menyatakan adakah kajian keberkesanan
Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang telah
dijalankan memandangkan telah masuk tahun keempat
kempen ini dilaksanakan.**

Jawapan

Tan Sri Yang Dipertua,

Kajian berkenaan keberkesanan dan kesedaran orang ramai mengenai Kempen Budi Bahasa Dan Nilai-Nilai Murni telahpun dijalankan oleh Kementerian ini melalui agensi di bawahnya iaitu Perpustakaan Negara pada akhir tahun 2007. Kajian tersebut meliputi seramai 10,721 orang responden dari pelbagai keturunan, peringkat umur dan latar belakang. Secara keseluruhannya, 94.3% responden berpendapat bahawa kempen berkenaan telahpun meningkatkan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan harian mereka dan berpendapat agar kempen berkenaan diteruskan dan hanya 5.7% yang berpendapat ianya tidak perlu diteruskan. Berdasarkan peratusan tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa Kempen Budi Bahasa Dan Nilai-Nilai Murni yang telah dilaksanakan bermula dari tahun 2005 ini adalah

relevan dalam melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai budi pekerti yang tinggi. Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian ini juga berharap agar kempen ini diteruskan untuk jangka masa yang lebih panjang memandangkan ianya akan berakhir sehingga akhir tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH: 21 OGOS 2008

SOALAN:

Y. B. Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak) minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bolehkah Kerajaan meminta syarikat-syarikat perladangan milik Kerajaan (GLC's) dan swasta memberi gaji, elaun, bonus, perumahan dan lain-lain peluang untuk meningkatkan taraf ekonomi pekerja-pekerja ladang yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat kaum India.

PR-1213-L16160

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menghargai sumbangan yang diberi oleh kaum pekerja, termasuk pekerja-pekerja ladang kepada pembangunan ekonomi negara. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah merangka pelbagai program untuk membantu dan meningkatkan taraf hidup pekerja ladang.

Bagi memastikan pekerja ladang tidak terpinggir daripada arus pembangunan, KSM telah berusaha untuk meningkatkan prasarana dan infrastruktur seperti kemudahan perumahan pekerja ladang, bekalan air dan elektrik, klinik / hospital ladang, pusat asuhan kanak-kanak (PAKK), dewan komuniti serta kemudahan beribadat dan rekreasi dan tanah untuk pekerja bercucuk tanam sebagai langkah-langkah untuk meningkat taraf hidup pekerja di ladang.

KSM telah mengadakan perbincangan dengan majikan ladang pada 16 Mei 2008 dan 13 Jun 2008 berkaitan penyediaan kemudahan PAKK di ladang-ladang. Di samping itu, perbincangan juga telah diadakan pada 22 Mei 2008 dan pada 14 Julai 2008 untuk meningkatkan kadar gaji dan kemudahan di ladang. Selain itu, KSM juga telah mengadakan Mesyuarat Kebajikan Pekerja Ladang Peringkat Kebangsaan pada 23 Jun 2008 dengan majikan-majikan ladang dan agensi-agensi Kerajaan berhubung kewajipan ladang untuk menyediakan dan meningkatkan kemudahan asas kepada pekerja ladang.

Tuan Yang Di Pertua,

KSM juga menggalakan majikan ladang melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja Ladang (SPRL) sebagai langkah untuk memastikan pekerja ladang memiliki rumah apabila mereka bersara / tamat perkhidmatan dengan ladang. Melalui skim ini, majikan ladang akan menyediakan rumah dan menjual kepada pekerja ladang dengan harga berpatutan. Majikan ladang juga digalakkan memperuntukkan sebahagian tanah ladang untuk dibangunkan dengan projek perumahan dan keutamaan pemilikan rumah tersebut diberi kepada pekerja ladang agar mereka terus kekal bekerja.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9, usaha-usaha membantu pendidikan anak-anak pekerja ladang diteruskan, KSM telah memperuntukkan dana sebanyak RM4.45 juta melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk tujuan membekal, menghantar dan memasang peralatan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) di ladang-ladang di Semenanjung Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan prasarana bagi penjagaan anak-anak pekerja dengan mewujudkan PAKK yang kondusif dan memastikan anak-anak pekerja ladang sentiasa mendapat penjagaan yang sempurna. Dengan adanya kemudahan ini, diharapkan para pekerja tempatan yang berminat bekerja di ladang dan mereka tidak akan menghadapi masalah penjagaan anak-anak apabila mereka berkeluarga keluar bekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

Kenyataan bahawa kebanyakan pekerja disektor perladangan adalah terdiri daripada kaum India adalah tidak tepat. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja pada Jun 2008 mendapati jumlah pekerja tempatan dari kaum India adalah sebanyak 29.8 peratus berbanding dengan kaum lain iaitu Melayu 62.0 peratus manalaka kaum Cina 5.0 peratus lain-lain 3.2 peratus. Menurut Statistik *Malayan Agriculture Producers Association (MAPA)* daripada 150 buah syarikat dengan sebanyak 384 buah ladang yang menjadi ahli kesatuan terdapat seramai 21,911(38%) orang pekerja dari kaum Melayu manakala seramai 30,360(45%) orang kaum India dan lain-lain seramai 11,333(17%) orang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
(KAPIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.8.2008

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk membendung inflasi yang pasti akan naik melanda ekonomi negara Malaysia akibat pelbagai faktor yang tertentu seperti kenaikan harga minyak dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan kadar inflasi tidak berpunca daripada kelemahan pengurusan Kerajaan, sebaliknya ia merupakan fenomena global akibat kenaikan ketara harga minyak mentah dan komoditi makanan di pasaran dunia. Kerajaan amat prihatin terhadap beban kenaikan harga yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan inflasi kepada rakyat adalah seperti berikut:

- Melaksanakan Dasar Jaminan Makanan dengan peruntukan RM2.5 bilion bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan bahan makanan mencukupi untuk jangka masa yang panjang;
- Memberi subsidi ke atas harga tepung, roti, beras (Super 15%), minyak masak dan barangan petroleum serta mengekalkan harga gas masak pada kadar RM1.75 sekilogram;
- Melaksanakan kawalan harga ke atas 8 barangan keperluan asas seperti tepung gandum, gula, susu, minyak masak, beras, roti, ayam dan barangan petroleum;
- Mengekalkan tarif elektrik yang sedia ada bagi isi rumah yang menggunakan 200kwh dan ke bawah iaitu merangkumi 59% daripada jumlah isi rumah;
- Mengekalkan subsidi diesel kepada pemegang *fleet card* dan NGV kepada pengusaha pengangkutan awam pada RM1.43 seliter dan RM0.635 seliter;
- Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, susu, gula dan gas masak; dan
- Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga.

Sementara itu, langkah baru dalam menangani tekanan inflasi demi mengurangkan beban kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah akan diumumkan oleh Kerajaan semasa pembentangan Bajet Tahunan 2009 pada 29 Ogos kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan aliran penurunan harga minyak mentah global pada masa ini, Kerajaan telah mengumumkan bahawa harga runcit petrol akan berdasarkan purata harga pasaran minyak mentah dunia bulanan berkuat kuasa 1 September 2008. Dalam pada itu, Kerajaan akan mengekalkan kadar subsidi 30 sen per liter dan harga ini akan ditetapkan pada hari pertama setiap bulan dan tidak akan melangkaui harga RM2.70 seliter pada tahun ini. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Ekonomi yang berperanan sebagai badan penasihat bagi menangani masalah inflasi dan kelembapan ekonomi global yang memberi kesan kepada negara. Majlis Ekonomi ini mengambil alih peranan Jawatankuasa Kabinet dan Majlis berhubung langkah-langkah membendung inflasi.

Langkah-langkah yang dilaksanakan ini merangkumi penyediaan insentif dan bayaran subsidi tambahan yang bertujuan mengurangkan kesan kenaikan harga. Selaras dengan persekitaran mencabar yang dihadapi negara kini, semua lapisan masyarakat termasuk Kerajaan perlu membuat penyesuaian dan disarankan untuk berbelanja dengan berhemat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI CHE MAT
(HULU LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.08.2008

Y.B. Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tentang status projek InventQjaya. Setakat mana perkembangan projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek InventQjaya yang dijalankan oleh syarikat InventQjaya Sdn Bhd (IQJ) telah pun dihentikan pada 30 Mac 2005 dan Ketua Pegawai Eksekutifnya telah dituduhkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [Akta 613]. Memandangkan kes IQJ kini masih belum diputuskan oleh Mahkamah, status lanjut IQJ tidak boleh diumumkan pada masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]
TARIKH : 21 OGOS 2008
NOMBOR FAIL : 1263

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah masih lagi berlaku pencerobohan rakyat negara asing melalui perairan negara. Adakah penguatkuasaan yang tidak profesional an sambil lewa menyebabkan kebanjiran pendatang asing yang amat ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pantai yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Malaysia mempunyai kawasan pesisir pantai (*coast line*) yang sangat luas dan panjang. Mengikut maklumat yang diperolehi dari Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM), **keluasan Zon Eksklusif Ekonomi (*Exclusive Economic Zone*) Malaysia adalah seluas 453,186.18 kilometer persegi.** Kawasan pesisir pantai (*coastline*) pula adalah seluas 4492 kilometer (**Semenanjung 1733 kilometer, manakala Sabah dan Sarawak sepanjang 2755 kilometer**).

Berdasarkan kepada statistik di atas, adalah jelas bahawa ini merupakan satu cabaran yang sangat besar bagi semua agensi-agensi penguatkuasaan maritim seperti Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Unit Polis Marin, Polis DiRaja Malaysia, APMM dan lain-lain. Keadaan menjadi lebih buruk disebabkan kekurangan kakitangan penguatkuasaan maritim dan juga bantuan logistik yang diperlukan. Dalam keadaan seperti ini, pencerobohan oleh pendatang asing tidak dapat dikawal sepenuhnya.

Tuan Yang DiPertua,

Kepujian harus diberi kepada semua agensi yang terlibat dalam operasi penguatkuasaan maritim kerana mereka telah terbukti melaksanakan tanggungjawab dengan penuh profesionalisme dan komitmen yang tinggi. Dalam keadaan serba kekurangan, mereka telah mempertahankan kawasan perairan dari pencerobohan oleh pendatang asing.

Mengikut statistik dari APMM, **sepanjang tahun 2007, 37 buah bot dengan jumlah 180 pendatang asing telah ditangkap.** Bagi tempoh **Januari – Jun 2008, sebanyak 21 bot dan 122 orang pendatang asing telah ditangkap.**

Dari penjelasan di atas, adalah terbukti bahawa pencerobohan melalui perairan **BUKAN** faktor utama yang menyebabkan 'kebanjiran' pendatang asing. Pendatang asing juga memasuki negara ini melalui laluan udara dan darat. Oleh yang demikian, adalah kurang tepat untuk mengandaikan bahawa penguatkuasaan yang tidak profesional dan sambil lewa yang menyebabkan kebanjiran pendatang asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengalu-alukan 'kebanjiran' pendatang asing yang memasuki negara ini secara sah dan teratur untuk apa juga tujuan mereka. Bersempena dengan 'Tahun Melawat Malaysia 2008',

Kerajaan telah memberi berbagai-bagai kemudahan kepada warga negara asing untuk datang ke negara ini. Oleh yang demikian, 'kebanjiran' pendatang asing ini merupakan kebanjiran yang dirancang oleh kerajaan bagi menarik lebih ramai warga negara asing melawat Malaysia, dan seterusnya memajukan sektor ekonomi dan pelancongan negara.

Walau pun kerajaan menggalakkan kemasukan warganegara asing, (secara sah dan teratur), namun operasi penguatkuasaan dijalankan secara berterusan untuk memastikan bahawa warga negara asing yang tinggal lebih tempoh ditangkap, didakwa dan diusir.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri
(Kuala Nerus)

TARIKH : 21 OGOS 2008 (Khamis)

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sehingga bulan Jun 2008, berapa ramaikah nelayan seluruh negara dan berikan pecahan mengikut negeri dan adakah semua nelayan ini layak untuk menerima bantuan khas RM 200 sebulan sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN : Bilangan nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan sehingga bulan Jun 2008 adalah seperti berikut:

Perlis	758
Kedah	5,280
Pulau Pinang	2,605
Perak	7,351
Selangor	5,347
Melaka/NS	1,502
Johor	8,718
Pahang	4,050
Terengganu	6,042
Kelantan	1,594
Sarawak	6,174
Sabah	15,078
WP Labuan	288
Jumlah	64,787

Syarat-syarat nelayan untuk menerima bantuan khas RM200.00 sebulan ialah:

- a) Pemilik vesel perikanan atau lesen menangkap ikan yang didaftarkan atas nama individu.
 - i. Memiliki MyKad (Biru) dan Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau Kad e-petrol/e-diesel yang dikeluarkan oleh LKIM; dan
 - ii. Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia; atau
 - iii. Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sabah atau Lembaga Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah serta Lesen Menangkap Ikan dari Jabatan Perikanan Sabah, dan
 - iv. Berumur 18 tahun keatas pada tahun 2008.
- b) Pekerja Atas Vesel Perikanan Warganegara Malaysia.
 - i. Memiliki MyKad (Biru); dan
 - ii. Memiliki Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia; dan
 - iii. Didaftarkan sebagai pekerja vesel oleh pemilik vesel individu dan syarikat; dan
 - iv. Berumur 18 tahun keatas pada tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]
TARIKH : 21 OGOS 2008

SOALAN

Y.B TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil berkaitan dengan percaturan kes kerana dalam Suruhanjaya Siasatan VK Lingam, ianya hanya terhad kepada percaturan hakim.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembahagian kes-kes di Mahkamah-Mahkamah adalah seperti berikut:

1. Secara am, kes difailkan di mahkamah menurut had tuntutan dalam kes sivil atau had hukuman dalam kes jenayah. Sekiranya di sesuatu kawasan itu terdapat hanya mahkamah rendah dengan seorang Hakim Mahkamah Sesyen dan seorang Majistret, maka hakim dan majistret tersebut akan bertanggungjawab untuk mendengar semua jenis kes yang didaftarkan di dalam mahkamah tersebut

mengikut had-had yang telah ditentukan di bawah undang-undang. Kes-kes yang melebihi had yang ditetapkan di bawah undang-undang bagi Mahkamah Sesyen dan mahkamah Majistret akan difailkan di Mahkamah Tinggi yang terdekat.

2. Sekiranya di sesuatu kawasan itu terdapat Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang mencukupi, maka pembahagian kes akan didasarkan kepada pengkhususan sesuatu Mahkamah itu yang telah ditetapkan di mana ada kes-kes yang akan didaftarkan mengikut pengklasifikasian sesuatu kes, di mana kes-kes akan didengar oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen ataupun Majistret yang sudah dipertanggungjawabkan untuk mendengar sesuatu jenis kes itu.
3. Bagi kes-kes yang didaftarkan di bandar-bandar besar seperti di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, terdapat beberapa Bahagian iaitu Bahagian Sivil, Bahagian Dagang, Bahagian Rayuan / Perkara-Perkara Pelbagai dan Bahagian Jenayah di mana setiap Bahagian ini masing-masing mempunyai pejabat pendaftarannya yang berasingan. Setiap Bahagian diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang kanan yang bertanggung jawab untuk mengagihkan kes kepada hakim-hakim yang lain dalam Bahagian tersebut dengan dibantu oleh seorang Timbalan pendaftar dan seorang Penolong kanan Pendaftar.

4. Kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah Rayuan pula, menurut Seksyen 38 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) yang menerangkan tentang komposisi Mahkamah Rayuan, setiap kes hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga orang hakim atau oleh apa-apa bilangan ganjil seperti yang diarahkan oleh Presiden Mahkamah Rayuan.

5. Untuk Mahkamah Persekutuan pula, menurut Seksyen 74 Akta yang sama, setiap kes juga hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga orang hakim atau oleh apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar seperti yang diarahkan oleh Ketua Hakim Negara.

NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]

TARIKH : 21 Ogos 2008 (KHAMIS)

SOALAN : 20

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada kuasa pentadbiran feri Pulau Pinang akan dikembalikan kepada Kerajaan negeri memandangkan pihak Penang Port Sdn. Bhd. tidak berupaya menguruskan perkhidmatan feri secara efisien lalu menanggung kerugian berjuta-juta ringgit setiap tahun.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan penelitian Kementerian Pengangkutan terhadap rekod-rekod yang ada, perkhidmatan feri Pulau Pinang tidak pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan ia juga tidak mempunyai kuasa pentadbiran seperti yang dinyatakan. Untuk makluman, operasi perkhidmatan feri telah mengalami kerugian semenjak pembukaan Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1985 apabila lebih daripada 90% trafik kenderaan beralih menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Keadaan ini juga disebabkan bahawa perkhidmatan feri adalah obligasi sosial bagi Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) di mana tambang feri adalah terkawal dan ditetapkan pada kadar yang rendah. Sebagai contoh tambang feri bagi penumpang pejalan ditetapkan pada kadar RM1.20 untuk perjalanan ulang-alik antara Pulau Pinang dan Butterworth.

Dalam pada itu, kos operasi dan penyelenggaraan adalah tinggi untuk feri-feri yang lama tersebut. Walau mengalami kerugian, PPSB masih mengoperasi feri Pulau Pinang dan ianya ditampung daripada pendapatan operasi pelabuhan keseluruhannya. Dalam pada itu, PPSB sentiasa meningkatkan kemudahan di terminal feri untuk keselesaan penumpang pejalan seperti menukar kerusi baru, memasang kipas angin baru serta *escalator* untuk memudahkan pergerakan penumpang pejalan di terminal feri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT
KATIL]
TARIKH : 21 OGOS 2008

SOALAN:

Y.B DATUK MD. SIRAT BIN ABU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah kes-kes Mahkamah yang masih tertunggak dan belum diselesaikan. Nyatakan jumlahnya mengikut kategori kes-kes tersebut.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes-kes sivil dan jenayah yang masih belum selesai untuk tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Mei 2008 adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

STATISTIK JUMLAH KES-KES SIVIL DAN JENAYAH YANG MASIH BELUM SELESAI UNTUK TEMPOH DARI 1 JANUARI 2008 – 31 MEI 2008

MAHKAMAH	JUMLAH KES YANG BELUM SELESAI SETAKAT MEI 2008	
	SIVIL	JENAYAH
MAHKAMAH TINGGI	79262	4415
MAHKAMAH SESYEN	108332	9034
MAHKAMAH MAJISTRET	154608	570289
JUMLAH KESELURUHAN	342202	583739

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 21 OGOS 2008

SOALAN :

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) sejauh manakah penguatkuasaan yang dijalankan mengikut piawaian yang ditetapkan di pusat pemprosesan sisa toksik yang diselenggarakan oleh Syarikat Kualiti Alam supaya tidak timbul masalah pencemaran alam; dan
- (b) bagaimanakah sisa akhir seperti cecair dihapuskan daripada pusat pemprosesan sisa toksik berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual yang dikendalikan oleh Kualiti Alam Sdn Bhd adalah dikawal rapi oleh Jabatan Alam Sekitar melalui sistem pelesenan di mana piawaian-piawaian yang ditetapkan perlu dipatuhi oleh pihak Kualiti Alam Sdn Bhd dalam mengawal pelepasan pencemaran termasuklah dari segi pencemaran air dataran (*surface water*), air bawah tanah dan pencemaran udara.

Bagi menentukan Kualiti Alam Sdn Bhd menyenggara kemudahan mereka dengan sempurna dan mematuhi syarat-syarat lesen serta piawaian-piawaian yang ditetapkan, JAS mengadakan lawatan penguatkuasaan berkala sekurang-kurangnya 8 kali setahun. Melalui kaedah ini segala isu ketidakpatuhan dapat ditangani pada peringkat awal bagi mengelakkan masalah yang serius berlaku.

(b) Semua sisa cecair yang terhasil dari premis Kualiti Alam Sdn Bhd diolah di loji pengolahan fizikal/kimia dan cecair yang telah diolah ini digunasesmula untuk aktiviti pembasuhan bekas-bekas buangan. Cecair yang telah diolah ini tidak dibenarkan dilepaskan sama sekali walaupun ianya mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan. Manakala air peresapan (*leachate*) yang terhasil dari tapak pelupusan selamat juga diolah di loji pengolahan air peresapan.

Buangan cecair yang terhasil dari pengolahan air peresapan ini juga diguna semula bagi aktiviti cucian dan basuhan. Enapcemar yang

terhasil daripada pengolahan air peresapan ini dilupuskan semula ke
tapak pelupusan selamat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)

TARIKH : 21 OGOS 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh mana undang-undang yang mendiskriminasikan wanita telah dikaji dan nyatakan undang-undang tersebut dan sama ada ia akan dipinda sebelum tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Ke-9.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam usaha mengenal pasti adanya unsur diskriminasi terhadap wanita ialah dengan mengkaji semula undang-undang sedia ada. Proses penyemakan semula undang-undang ini merupakan satu proses yang berterusan yang melibatkan pelbagai agensi dan ia memerlukan penelitian bagi memastikan pindaan yang dibuat tidak mengakibatkan impak negatif ke atas kumpulan sasar yang lain dan kepentingan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada bulan Ogos 2001 yang memasukkan perkataan "gender" bagi memastikan tiada sebarang diskriminasi terhadap wanita, beberapa undang-undang seperti berikut telah dipinda:

- i. Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dipinda bagi membolehkan lelaki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka secara tahunan dan wanita asing yang diceraikan atau tinggal berasingan dengan suami warganegara Malaysia boleh memohon pas lawatan secara tahunan. Sebelum ini pas lawatan sosial perlu diperbaharui 6 bulan sekali. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2001;

- ii. Akta Pencen 1980 telah dipinda bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen terbitan mulai tahun 2002;

- iii. Susulan kepada pindaan Akta Pencen 1980 ini, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dipinda pada tahun 2005 bagi membolehkan bayaran pencen ilat kepada balu atau duda yang berkahwin semula dikekalkan; dan

- iv. Pindaan ke atas Akta Tanah (Kawasan Penempatan) 1960 pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka yang memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang menjadi pemilik bersama tanah berkelompok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara undang-undang yang memerlukan kajian semula adalah seperti berikut:

- i. Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 bagi memasukkan peruntukan mengenai langkah menangani gangguan seksual di tempat kerja. Kementerian Sumber Manusia sedang membuat pindaan ke atas akta-akta ini; dan
- ii. Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 bagi menangani isu-isu yang dikatakan mendiskriminasikan wanita termasuk isu poligami, pembayaran nafkah dan hak penjagaan anak. Undang-undang

ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya, proses penyemakan semula undang-undang adalah satu proses yang berterusan dan memerlukan kerjasama semua pihak yang terbabit. Ia juga tertakluk kepada keperluan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan kumpulan sasar, selaras dengan perkembangan semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 21 OGOS 2008

**SOALAN : DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kegunaan secara terperinci Peruntukan Pembangunan tambahan sebanyak RM1 bilion di negeri Sabah dan berapakah jumlah yang akan disalurkan ke Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya peruntukan sebanyak RM1 bilion yang diperuntukan kepada negeri Sabah akan digunakan untuk pelbagai projek-projek fizikal infrastruktur awam dan asas. Kerajaan Persekutuan telah meminta supaya Kerajaan Negeri menyenaraikan cadangan projek untuk dipertimbangkan. Perbincangan yang melibatkan Unit

Perancang Ekonomi, Perbendaharaan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) sedang diadakan untuk mengenalpasti projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan termasuk untuk kawasan Parlimen Kinabatangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]
TARIKH : 21 OGOS 2008
RUJUKAN : 1262

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang mempunyai permit yang sah dan nyatakan langkah efektif yang diambil untuk mengurangkan bebanan tanggungan tenaga pekerja negara asing.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 21.8.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Julai 2008, jumlah pekerja asing yang sah di negara ini adalah seramai 2,109,954 orang. Jumlah ini mencatatkan penurunan seramai 12,976 orang berbanding 2,122,930 orang pada 31 Mac 2008.

Bagi membolehkan kebergantungan terhadap pekerja asing ini dikurangkan, Kerajaan sedang dalam langkah mengkaji keseluruhan dasar dan polisi berkaitan penggajian dan guna tenaga di Malaysia. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) telah bersetuju untuk membentuk satu Jawatankuasa Teknikal bagi membolehkan semua Kementerian dan agensi yang terlibat dengan pengurusan pekerja asing merangka pendekatan yang holistik dan menyeluruh dalam usaha memaksimumkan penggunaan tenaga kerja tempatan disamping mencari alternatif yang berkesan dalam mengurangkan keperluan kepada tenaga kerja. Setakat ini, Kerajaan masih membenarkan majikan menggaji pekerja asing sekiranya gagal mendapat pekerja tempatan. Prosedur sedia ada yang digunakan masih memadai untuk memastikan majikan hanya diluluskan pekerja asing berdasarkan keperluan semata-mata.

SOALAN NO. 26

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Mohd Jidin Bin Shafee (Setiu)

TARIKH : 21 OGOS 2008 (Khamis)

**SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan**

- a) Berapakah jumlah nelayan yang telah mendapat subsidi petrol dan diesel mulai tahun 2006 hingga 2008
- b) Berapakah jumlah keseluruhan nelayan mengikut pecahan kategori yang terdapat di Malaysia

JAWAPAN : Bilangan nelayan yang telah diluluskan untuk mendapat subsidi diesel dan petrol mulai 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kad e Petrol	Bilangan Kad e Diesel	Jumlah
2006	12,750	14,842	27,592
2007	15,411	16,138	31,549
31 Julai 2008	16,174	16,598	32,772

Bilangan nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan sehingga bulan Jun 2008 adalah seperti berikut:

Perlis	758
Kedah	5,280
Pulau Pinang	2,605
Perak	7,351
Selangor	5,347
Melaka/NS	1,502
Johor	8,718
Pahang	4,050
Terengganu	6,042
Kelantan	1,594
Sarawak	6,174
Sabah	15,078
WP Labuan	288
Jumlah	64,787

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID
SHIRLIN [PAPAR]

TARIKH : 21 OGOS 2008 [KHAMIS]

SOALAN : YB. DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID
SHIRLIN [PAPAR] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan langkah-langkah susulan oleh Kementerian
ekoran pengumuman Sabah dan Sarawak selaku
Jelapang Padi Negara dan bilakah pelaksanaan akan
dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelan Peningkatan Pengeluaran Beras Negara telah mengenal pasti seluas 31,213 ha di Sabah dan seluas 41,100 ha di Sarawak yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan Jelapang Padi Negara yang baru. Bagi membangunkan kedua kawasan jelapang padi, langkah susulan yang kerajaan sedang laksanakan adalah seperti berikut:

a) Langkah Jangka Pendek

Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan dan Saliran

- Perataan tanah sawah
- Pembekalan input pertanian kapur, baja NPK dan racun kawalan makhluk perosak.
- Pemilikan jentera dan mekanisasi ladang
- Memperkukuhkan khidmat sokongan penyelidikan , pengembangan dan pemberian subsidi serta insentif.

b) Langkah Jangka Panjang

- Pembangunan infrastruktur saluran dan pengairan yang meliputi pembinaan kolam takungan air, pembinaan ban-ban penghalang banjir di kawasan jelapang dan lain-lain.

Di bawah Program ini, sebanyak RM 75 juta bagi Negeri Sabah dan sebanyak RM 54.4 juta diperuntukan kepada Negeri Sarawak bagi membangunkan kedua-dua kawasan tersebut dalam tahun 2008. Setakat ini, peruntukan yang telah diagihkan kepada Negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM 12.5 juta iaitu RM 5 juta untuk Sabah dan RM 7.5 juta untuk Sarawak bagi aktiviti penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saluran.

Adalah dijangkakan dengan pembangunan kedua-dua jelapang padi ini, pengeluaran padi negara akan meningkat dan seterusnya Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran beras akan dapat ditingkatkan daripada 72 % dalam tahun 2007 kepada 86 % dalam tahun 2010. Kedua-dua negeri akan menyumbangkan sebanyak lebih kurang 327,000 MT pengeluaran padi yang akan menghasilkan beras sebanyak 213,042 MT dalam tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR
TARIKH : 21 OGOS 2008

SOALAN

DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan berapa ramaiakah graduan MRSM setakat ini dan pada tahap apakah mereka menyumbang kepada pembangunan negara melalui kerjaya yang mereka ceburi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat seramai 71,504 pelajar yang terdiri daripada 35,044 pelajar lelaki dan 36,460 adalah pelajar perempuan yang telah mendapat pendidikan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) sejak tahun 1967.

Hampir semua pelajar-pelajar MRSM tersebut telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi dan kini mereka berkhidmat untuk membantu pembangunan negara samaada sebagai usahawan ataupun pekerja professional. Sebahagian daripada mereka telah memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan dalam bidang-bidang perkilangan, pertanian, pelancongan, pengedaran dan peruncitan. Manakala sebahagian besar daripada mereka telah menjadi pekerja-pekerja professional dalam bidang-bidang kedoktoran dan kejuruteraan serta pengurus-pengurus perdagangan dalam bidang pengangkutan dan pembinaan

LAMPIRAN A

SOALAN 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING

[LANANG]

TARIKH : 21 OGOS 2008

SOALAN : Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:-

Menyatakan bagaimana Kementerian mempromosikan sektor pelancongan negara kita dan jumlah kos yang telah dibelanjakan daripada tahun 2007 sehingga bulan Jun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia mempromosikan sektor pelancongan melalui strategi-strategi tertentu bagi menarik pelancong dari luar Negara. Strategi tersebut telah disusun dan dimuatkan ke dalam Pelan Promosi Tourism Malaysia 2008-2010.

Strategi-strategi yang telah dirancang adalah:

- a) Meneruskan kesinambungan kepada promosi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul melalui kempen 'branding' yang unik iaitu 'Malaysia Truly Asia'. Kempen ini mula diperkenalkan pada tahun 1999.

- b) Memasarkan Malaysia berdasarkan pendekatan 'destination-focused' dengan mengenal pasti produk-produk pelancongan yang berkualiti dan melaksanakan program promosi yang intensif bagi destinasi-destinasi ini.

- c) Mengambil bahagian secara aktif di dalam pameran pelancongan antarabangsa serta menganjurkan Misi Galakan ke luar Negara yang turut disertai oleh pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan, kerjasama negeri serta agensi-agensi yang berkaitan.

- d) Memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan berkualiti dengan mensasarkan pasaran 'high yield' serta membangunkan konsep pemasaran 'dual destination' berikutan meningkatnya perhubungan udara menerusi kemudahsampaian pelancongan

merentasi sempadan terutamanya dengan Negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

- e) Mempertingkatkan promosi taktikal dengan penganjuran acara-acara peringkat antarabangsa seperti Pesta Flora, Citrawarna Malaysia, Karnival Jualan Mega, 'F1 Grand Prix', 'Le Tour De Langkawi', 'Formula One Powerboat World Championship' dan lain-lain acara bertaraf dunia.

- f) Melaksanakan Program Mega Familiarization (suaikenal) untuk memberi pendedahan kepada para pengusaha pelancongan dan wakil media asing secara langsung mengenai acara, produk pelancongan dan perkhidmatan yang terdapat di negara ini.

- g) Melaksanakan kempen pengiklanan secara global dan di pasaran-pasaran utama (primary market) dan berpotensi seperti yang telah diperkenal pasti dalam Pelan Promosi 2008-2010.

- h) Bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan luar negara melalui program "tour-operator support" dan syarikat-syarikat penerbangan termasuk MAS dan Air Asia dalam membangun dan mempromosikan pakej-pakej menarik di negara ini .

- i) Memasarkan Malaysia secara agresif sebagai destinasi M.I.C.E (meetings, incentives, conventions & exhibitions) bagi meningkatkan 'market share' sebanyak 10 peratus setiap tahun agar objektif yang telah digariskan didalam RMK-9 tercapai.

- j) Membangunkan produk-produk pelancongan baru yang berpotensi untuk pasaran khusus (Niche Market) seperti pelancongan eko, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan, pelancongan pendidikan dan program Malaysia Rumah KeduaKu.

Tuan Yang DiPertua,

Selain daripada itu, usaha-usaha juga sedang giat dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelawat harian dari negara-negara jiran untuk singgah lebih lama di Malaysia dengan mempromosikan pakej-pakej baru ke destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di seluruh Malaysia disamping memperbanyakkan aktiviti, acara dan pertunjukan yang lebih menarik di negara ini.

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk tujuan promosi bagi tahun 2007 dan Januari sehingga bulan Julai 2008 adalah sebanyak RM 620,184,395 dimana jumlah bagi pada tahun 2007 ialah sebanyak RM 371,552,925 dan Januari - Jun 2008 sebanyak RM 248,631,470.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING
(KULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.08.2008

Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) Adakah program pinjaman kredit mikro pada Mac 2003 telah mencapai status dalam membantu usahawan kecil; dan
- (b) Adakah program pinjaman kredit mikro kadar bunga rendah akan dihidupkan semula oleh usahawan kecil bagi semua kaum.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Skim kredit mikro yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2003 ditawarkan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). BSN telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM723.1 juta kepada 84,000 peminjam manakala Agrobank pula mengeluarkan pinjaman berjumlah RM200 juta kepada

17,437 peminjam. Agrobank telah menamatkan skim ini pada Januari 2004 manakala BSN menamatkan pinjaman di bawah skim ini pada bulan Mac 2005 setelah semua peruntukan habis dikeluarkan.

(b) Hasil kajian oleh Agrobank dengan bantuan Unit Perancang Ekonomi mendapati bahawa kadar faedah rendah yang dikenakan tidak dapat menampung jumlah keseluruhan perbelanjaan dan seterusnya tidak dapat menjamin kemampuan institusi yang menawarkan skim tersebut. Skim kredit mikro yang bergantung pada dana Kerajaan juga adalah terhad dari segi kewangan dan jangkauan. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan semula skim pinjaman kredit mikro dengan kadar faedah yang rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN CHUA TEE YONG**
(LABIS)
TARIKH : **21 OGOS 2008**

SOALAN:

Y.B. Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian bercadang menaikkan garis panduan pengukuran kemiskinan pada tahun 2008 memandangkan syarat-syarat untuk menerima bantuan kebajikan masih berdasarkan garis panduan kemiskinan yang lama dan menyebabkan banyak keluarga yang berpendapatan rendah tidak layak diberi bantuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Yang Berhormat, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) terkini yang digunakan oleh Kerajaan ialah seperti berikut;

PGK makanan ialah RM430 bagi Semenanjung Malaysia, RM540 bagi Sabah dan RM520 bagi Sarawak. Manakala PGK bukan makanan pula ialah RM290 bagi Semenanjung, RM420 bagi Sabah dan RM310 bagi Sarawak. Nilai PGK tersebut adalah berasaskan kepada keperluan makanan dan bukan makanan yang minimum bagi setiap isi rumah bagi membolehkan mereka aktif dalam masyarakat.

Pada amalan biasa, kajian semula ke atas PGK ini dibuat sebanyak dua kali dalam tempoh lima tahun (bagi setiap Rancangan Lima Tahun dan Kajian

Separuh Penggal). Maklumat utama yang digunakan dalam kajian semula tersebut ialah maklumat Penyiasatan Perbelanjaan Isi rumah (HES) dan maklumat mengenai harga semasa yang dikumpulkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mengambil kira keadaan semasa ekonomi negara, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengemaskinikan PGK bagi setiap tahun untuk memastikan pengukuran kemiskinan adalah tepat dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa.

Bagi makluman ahli Yang Berhormat, PGK terkini ini sememangnya digunapakai oleh semua Kementerian dan agensi berkaitan termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh yang demikian, isu penggunaan PGK lama dalam menentukan bantuan kepada kumpulan sasar sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah tidak timbul.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.08.2008

SOALAN NO : 32

Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Kuala Krai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menurunkan harga runcit bahan bakar sekiranya harga petroleum dunia menurun dan pada paras harga dunia yang mana Kerajaan akan mula menurunkan harga runcit ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan bahawa mulai 1 September 2008, harga petrol akan diselaraskan semula jika harga minyak mentah menunjukkan tren penurunan yang berterusan. Penyelarasan adalah berdasarkan formula iaitu:

**kadar subsidi baru kurang daripada 30 sen seliter,
harga akan turun/naik bersamaan dengan**

perbezaaan diantara kadar subsidi baru dengan 30 sen.

Sebaliknya, apabila kadar subsidi baru melebihi 30 sen seliter, Kerajaan akan menanggung sepenuhnya kenaikan tersebut dan harga runcit petrol akan dikekalkan pada harga RM2.70 seliter sehingga penghujung tahun ini.